

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB DATO' SETIA SALEHUDDIN BIN SAIDIN**

**TARIKH : 25 JULAI 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN TAMBAHAN**

**DATO' SETIA SALEHUDDIN BIN SAIDIN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan;

- i. Berapa kos untuk melantik seorang *arborist* dan berapa orang yang sebenarnya diperlukan untuk menyelenggara pokok-pokok di Kuala Lumpur; dan
- ii. Adakah terdapat langkah-langkah untuk menanam pokok-pokok yang lebih kecil supaya tidak menimbulkan masalah kerosakan harta benda dan nyawa kepada masyarakat sekeliling.

## **JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi menjawab soalan yang pertama, buat masa ini tiada penetapan kadar harga bagi pelantikan seorang *Arborist* untuk penilaian dan pemeriksaan pokok di Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melantik sebanyak 21 kontraktor penyelenggaraan pokok rendang dan setiap kontraktor yang dilantik mempunyai seorang *Arborist* iaitu individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok untuk menilai tahap kesihatan dan tindakan mitigasi ke atas pokok. DBKL juga telah melantik 1 kontraktor Perkhidmatan Penilaian Pokok Berisiko (*Tree Economic Evaluation*) di sekitar Kuala Lumpur.
2. Untuk menjawab pertanyaan kedua pula, DBKL sememangnya menekankan dasar '*right tree at the right place*' dalam setiap projek atau program penanaman pokok. Melalui dasar ini, pelbagai kriteria pemilihan spesis pokok akan dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum penanaman dibuat. Antara kriteria yang dipertimbangkan adalah saiz ruang penanaman yang sesuai. Faktor pemilihan saiz pokok bagi sesuatu kawasan penanaman khususnya dibahu jalan adalah berdasarkan saiz ruang penanaman yang tersedia.
3. Dalam hal ini, kawasan yang mempunyai ruang kelebaran kurang daripada 1000mm hanya akan ditanam dengan pokok bersaiz kecil atau pokok renek sahaja. Bagi penanaman pokok diruang bandar pula, kriteria pemilihan pokok rendang juga mengambil kira bentuk pokok. Sebagai contoh, pokok dengan bukaan silara besar seperti pokok Hujan-Hujan dan Semarak Api tidak lagi ditanam dikawasan ruang bandar. Selain memerlukan ruang akar yang besar dan terdedah kepada risiko tumbang/sekah akibat angin kencang, bentuk kanopi ni juga boleh mengganggu struktur bangunan dan laluan infrastruktur kenderaan transit awam seperti MRT, LRT, Monorel dan sebagainya.

4. Selain daripada faktor ruang penanaman dan bentuk pokok, faktor lain yang diambil kira dalam menentukan spesis pokok yang akan ditanam dipersekutuan bandar khususnya pusat bandar adalah pemilihan spesis pokok dari jenis tempatan (*indogenous species*) yang dipercayai mempunyai kadar pertumbuhan lebih perlahan dan berdaya tahan terhadap penyakit serta lebih beradaptasi dengan iklim tempatan.

Sekian, terima kasih.